

*Wasat* adalah warkah dalam talian terbitan Pergas. Diwujudkan bagi menerbitkan apa jua penulisan hasil kajian dan pemikiran yang bertemakan *wasatiyah* (kesederhanaan). Ia bertujuan menyebarkan idea dan menggalakkan wacana *wasatiyah* dalam kefahaman dan amalan Islam dalam konteks masyarakat Islam Singapura.

Sumbangan bahan penulisan amat dialu-alukan. Semua bahan penulisan haruslah memenuhi kriteria berikut:

- Bertemakan *wasatiyah* atau relevan dengan tema *wasatiyah*. Penyumbang boleh menulis dari apa jua sudut i.e. fiqh, akidah, akhlak, falsafah, sosio-agama, atau politik-agama asal sahaja isinya dapat dikaitkan dengan tema *wasatiyah*.
- Panjang penulisan ialah, minimum 1000 perkataan dan maksimum 2500 perkataan.

Penerbitan penulisan yang disumbangkan ialah atas budi bicara penuh pihak penyunting.

Pihak penyunting mempunyai hak untuk melakukan suntingan yang munasabah bagi bahan yang disumbangkan atas faktor-faktor bahasa atau ruang.

Untuk menyumbang, sila hantarkan penulisan anda ke [wasat@pergas.org.sg](mailto:wasat@pergas.org.sg)

Barisan Penyunting: Ustaz Irwan Hadi Mohamad Shuhaimi, Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Mohd. Yusoff, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Puan Sundusia Rosdi Grafik / halaman web / pembantu teknikal: Remy Mahzam, Ustazah Khairunnisaa Abdul Rahim

Edisi (Edition) no. 20 / April 2018

#### Kandungan

- Dari meja penyunting... (mukasurat 2)
- *Wasatiyyah Dalam Memahami Ruqyah Syar'iyah*, oleh Ustaz Mohammad Rizhan Bin Leman (mukasurat 4)
- Apabila Seseorang Dakwa atau Alami Karamah dan Perkara Luar Biasa: Apa Sikap Yang Saksama?, oleh Ustaz Mustazah Bahari (mukasurat 9)
- Kepelbagaian Di Dalam Menyampaikan Ilmu: Sebuah Renungan Ringkas Tentang Lanskap Majlis Ilmu Di Singapura, oleh Mohammad Hafiz Kusairi (mukasurat 13)
- Between Western Revisionism and Islamic Traditionalism in Islamic History: A Case Study of the Multireligious Environment of Early Islam, oleh Ustaz Azfar bin Anwar (mukasurat 17)

*Nota: Hakcipta penerbitan artikel ini dimiliki oleh Pergas. Tidak dibenarkan mengulang cetak artikel ini di mana-mana wadah penerbitan lain dan dalam bentuk apa jua bentuk tanpa izin dari Pergas. Namun, keizinan diberikan untuk mengongsi artikel ini melalui alamat url yang asal.*

*Segala pendapat yang dikemukakan oleh para penulis artikel adalah milik penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Pergas, kecuali jika dinyatakan sedemikian secara tersurat oleh Pergas.*

#### CONNECT WITH US



### Dari meja penyunting....

Alhamdulillah, *Wasat* masih dapat terus diterbitkan bagi edisi no. 19/April 2018.

Moga edisi baru ini terus memberi manfaat kepada para pembaca dan diterima sebagai amal soleh di sisi Allah taala.

Terbitan *Wasat* edisi baru ini bersempena dengan bulan Rajab yang kemudiannya diikuti pula dengan bulan Syaaban yang mana keduanya adalah petanda bahawa Ramadan yang mulia semakin dekat.

Ramadan yang mulia dikenali sebagai bulan beribadah dan mujahadah. Semua umat Islam perlu bercita-cita untuk menghidupkan Ramadan dengan ibadah dan mujahadah dengan penuh kesungguhan agar Ramadan yang akan datang menjadi lebih baik dari yang lalu dan kehidupan setelah itu lebih dari sebelumnya.

Namun ini hanya dapat dicapai, jika persiapan untuk menghidupkan Ramadan dibuat dengan baik dan seawal mungkin. Sebab itulah, adalah elok bagi umat Islam untuk berbanyakkan doa keberkatan bagi Rajab dan Syaaban dan usia yang panjang untuk bertemu Ramadan supaya mereka sentiasa ingat untuk membuat persiapan dan bukan hanya menanti kedatangannya sahaja.

Moga Allah taala memudahkan kita semua untuk mempertingkatkan ibadah sebagai persiapan bagi Ramadan dan dipertemukan pula dengan Ramadan sehingga ia menjadi bulan terbaik bagi kita semua, Amin.

*Wasat*, pada kali ini, mengemukakan empat artikel pilihan.

Artikel pertama bertajuk ***Wasatiyyah Dalam Memahami Ruqyah Syar'iyah***, sumbangan Ustaz Mohammad Rizhan Bin Leman. Artikel ini menyentuh fahaman yang saksama dalam Islam dalam soal *ruqyah* bagi tujuan merawat penyakit. Atas premis



bahawa *ruqyah* memang mempunyai sandarannya dalam Islam, penulis mengemukakan empat poin kepada pembaca bagi membentuk fahaman dan sikap yang *wasatiyy* dalam isu yang dibicarakan; 1) *ruqyah syar'iyah* bukan khusus untuk kes-kes yang melibatkan gangguan makhluk halus, 2) *ruqyah syar'iyah* tidak terhad kepada menggunakan Al-Quran sahaja, 3) *ruqyah syar'iyah* tidak bertentangan

dengan tawakal, 4) *ruqyah syar'iyah* tidak menafikan usaha untuk mencari rawatan dari golongan doktor perubatan, dan 5) *ruqyah syar'iyah* tidak semestinya dilakukan oleh pihak lain. Penulis juga ~~menyebut~~ menyebut syarat-syarat sesuatu *ruqyah* itu boleh digunakan dalam Islam dan beliau mengakhiri artikel ini dengan tiga saranan; 1) pengajian *ruqyah syar'iyah* harus diluaskan, 2) kemahiran pakar perubatan, ahli psikologi dan para pengamal *ruqyah* harus dimanfaatkan, dan 3) *ruqyah* yang menjurus kepada syirik harus dibendung. Bagi perincian, bacalah artikel ini.

Artikel kedua bertajuk **Apabila Seseorang Dakwa atau Alami Karamah dan Perkara Luar Biasa: Apa Sikap Yang Saksama?**, sumbangan Ustaz Mustazah Bahari. Artikel ini membicarakan sikap yang benar dan saksama apabila seseorang berhadapan dengan dakwaan bahawa seseorang yang lain mempunyai karamah atau mampu melakukan perkara-perkara yang diluar dari kebiasaan atau jika dia sendiri mengalami perkara sedemikian i.e. mampu melihat perkara-perkara ghaib dan menyembuh penyakit dengan cara yang luar biasa.

Artikel ketiga bertajuk **Kepelbagaian Di Dalam Menyampaikan Ilmu: Sebuah Renungan Ringkas Tentang Lanskap Majlis Ilmu Di Singapura**, sumbangan Mohammad Hafiz Kusairi. Memandangkan profil masyarakat Muslim Singapura sudah berubah, penulis berhujah akan kepentingan bagi para asatizha mempelbagaikan cara dalam penyampaian ilmu agama mereka. Hal ini juga bersesuaian, di sisi penulis, dengan sunnah Nabi s.a.w

yang menggunakan pelbagai teknik dalam mengajar umat Islam di zamannya. Untuk mempelbagaikan cara, asatizah dianjurkan agar memperkasakan diri dengan pelbagai teknik yang boleh dipelajari dalam pelbagai bidang ilmu dengan berpandukan juga empat ciri majlis ilmu yang baik; 1) mesra pelajar, 2) persiapan yang rapi, 3) mengaitkan isi penyampaian dengan konteks yang sesuai, dan 4) meninggalkan buah tangan dan rumusan untuk dibawa pulang (diingati). Kaitan artikel ini dengan isu wasatiyah ialah ia mencadangkan idea-idea yang dapat mencemerlangkan asatizah, salah satu sifat utama wasatiyah, dalam usaha penyebaran ilmu sesuai dengan perubahan profil masyarakat hari ini.

Artikel keempat ialah artikel berbahasa Inggeris yang bertajuk **Between Western Revisionism and Islamic Traditionalism in Islamic History: A Case Study of the Multireligious Environment of Early Islam**, oleh Ustaz Azfar bin Anwar. Penulis berhujah bahawa masyarakat Mekah sebelum dan semasa perutusan Nabi s.a.w bukanlah satu masyarakat yang seragam, iaitu jahiliyah dan penyembah berhala. Penulis mengemukakan laporan-laporan dari para sejarawan Islam silam sebagai bukti wujudnya kepelbagaian kepercayaan, termasuk yang bertaskan tauhid, di Mekah di awal kedatangan Islam yang mana setiap satu mempunyai kesan kepada keseluruhan masyarakat di zaman itu. Keinginan untuk melihat dan menilai kembali fahaman yang sedia secara kritikal adalah sesuatu yang terpuji dan ciri-ciri wasatiyah yang baik yang wajar dicontohi bagi pembaca artikel ini.

Sekian.. Bacalah dengan nama Tuhanmu yang mencipta.

اللهم بارك لنا في رجب وشعبان  
وبلغنا بفضلك رمضان  
اللهم بلغنا رمضان لا فاقدين ولا مفقودين  
تقبل الله منا ومنكم صالح الأعمال





## Wasatiyyah Dalam Memahami Ruqyah Syar'iyah

oleh Ustaz Mohammad Rizhan bin Leman

### Pendahuluan

Kehidupan di dunia ini adalah tempat ujian manakala Akhirat kelak merupakan tempat menerima keputusan. Ujian yang dihadapi manusia dalam kehidupan ini berbeza-beza.

Allah menjelaskan di dalam KitabNya, "Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan, dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar." (Al-Baqarah: 155)

Penyakit yang dihadapi manusia juga merupakan satu bentuk ujian daripada Allah. Setiap penyakit yang menimpa hamba-hambaNya mengandungi hikmah-hikmah tertentu.

Kadangkala Allah menguji seseorang dengan penyakit agar darjat hamba tersebut dapat ditinggikan dan dosa-dosanya diampunkan. Kadangkala pula ujian yang datang dalam bentuk penyakit merupakan satu teguran daripada Allah agar manusia kembali dan bertaubat kepadaNya.

Islam tidak pernah melarang pengikut-pengikutnya daripada mencari rawatan bagi penyakit yang mereka hadapi. Nabi s.a.w. bersabda, "Wahai hamba-hamba Allah! Berubatlah! Sesungguhnya Allah tidak

menetapkan penyakit melainkan Dia menetapkan baginya penawar." (Riwayat Al-Tirmidhi)

Di antara cara yang diajarkan oleh Nabi s.a.w. untuk merawat penyakit adalah dengan menggunakan kaedah *ruqyah syar'iyah*. *Ruqyah syar'iyah* adalah kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran, zikir kepada Allah atau doa-doa yang bertepatan dengan syariat.

Penerimaan manusia terhadap *ruqyah syar'iyah*

sebagai kaedah rawatan berbeza-beza. Ada yang menganggapnya sebagai satu kaedah rawatan yang bertentangan dengan perubatan moden. Ada pula yang menganggapnya sebagai satu kaedah rawatan yang hanya diperlukan sekiranya tidak ditemukan jalan penyelesaian menerusi perubatan moden.

Apakah kefahaman yang *wasatiyy* mengenai *ruqyah syar'iyah*?

Artikel ini memberikan penjelasan mengenai *ruqyah syar'iyah* dengan berpandukan Al-Quran dan Sunnah serta kefahaman para ulama yang muktabar.

**Pendekatan *wasatiyy* dalam memahami *ruqyah syar'iyah***

*Pertama, ruqyah syar'iyah bukan khusus untuk kes-kes yang melibatkan gangguan makhluk halus.*

Bagi sebahagian masyarakat, *ruqyah syar'iyah* hanya dikaitkan dengan rawatan kes-kes yang melibatkan gangguan makhluk halus atau sihir.

**Siri Pengajian Pengubatan Islam**  
TUAN GURU DATO' DR. HARON DIN

**BUKU TERBARU**

**Harga Setiap Naskah RM20.00**

Mula dijual pada 25-April-2011

Pengantar Pengubatan Islam  
Kaedah Rawatan Penyakit Berdasarkan Petunjuk Rasulullah SAW

Rawatan Penyakit Jasmani (I)  
Hadalan Ruqyah Asas Pertama & Kaedah Pengambilan Bahan Dalam Rawatan

Rawatan Penyakit Jasmani (II)  
Hadalan Ruqyah Asas Kedua & Ihtisar Mengatasi Masalah Ruqyah

Rawatan Penyakit Rohani  
Hadalan Ruqyah Asas Ketiga, Gangguan Emosi & Mukhluk Halus

Rawatan Penyakit Akibat Sihir  
Kaedah Mengelak, Menentang & Mengatasi Sihir

Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussiyafa) & Koperasi Darussiyafa Berhad

Harga 5 jilid  
Semenanjung : RM100.00  
Sabah & Sarawak : RM110.00

Adakah ini kefahaman yang sahih?

Kajian terhadap hadis-hadis Nabi s.a.w. menunjukkan *ruqyah syar'iyah* bukan khusus untuk kes-kes sedemikian.

Abu Sa'id Al-Khudri r.a. meriwayatkan bahawa malaikat Jibril datang kepada Nabi s.a.w. lalu berkata, "Adakah kamu sedang mengadu kesakitan?" Nabi s.a.w. menjawab, "Ya." Malaikat Jibril membaca,

بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ ، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ اللَّهُ يَشْفِيكَ ، بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ

(Ertinya: Dengan nama Allah saya meruqyah kamu daripada setiap sesuatu yang menyakitimu, daripada kejahatan setiap diri atau mata orang yang berdengki. Semoga Allah menyembuhkan kamu. Dengan nama Allah saya meruqyah kamu.)" (Riwayat Muslim)

Imam Ibn Al-Qayyim meletakkan hadis ini di dalam kitabnya *Zad Al-Ma'ad* di bawah fasal yang berjudul, *Petunjuk Nabi s.a.w. perihal rawatan umum bagi setiap pengaduan (sakit) dengan ruqyah ilahiyah*.<sup>1</sup>

Ini menunjukkan bahawa *ruqyah syar'iyah* adalah satu kaedah rawatan yang umum, baik bagi penyakit biasa mahupun penyakit yang melibatkan sihir atau gangguan makhluk halus.

*Kedua, ruqyah syar'iyah tidak terhad kepada menggunakan Al-Quran sahaja.*

Rawatan menggunakan *ruqyah syar'iyah* tidak dihadkan kepada pembacaan ayat-ayat Al-Quran sahaja. *Ruqyah syar'iyah* juga boleh dilakukan

dengan menggunakan zikir-zikir dan doa-doa yang bertepatan dengan syariat.

Antara perkara yang diajarkan oleh Allah taala dan RasulNya adalah berdoa dengan menggunakan nama-nama Allah.

Allah taala berfirman, "Bagi Allah, nama-nama yang baik, maka berdoalah dengannya." (Al-A'araf: 180)

Di dalam sepotong hadis, Nabi s.a.w. mengajarkan kita sebuah doa,

اذهب الياأس رب الناس، اشف أنت الشافي، لا شفاء إلا شفاءك، شفاء لا يغادر سقما.


(Ertinya: Hilangkanlah kesakitan wahai Rab sekalian manusia. Sembuhkanlah sesungguhnya Engkau adalah Yang Maha Menyembuhkan. Tiada penyembuhan melainkan penyembuhanMu. Penyembuhan yang tidak meninggalkan apa-apa penyakit.)" (Riwayat Abu Dawud)

*Ketiga, ruqyah syar'iyah tidak bertentangan dengan tawakal.*

Meruqyah diri sendiri atau meruqyah orang yang sakit tidak bertentangan dengan tawakal. Tawakal adalah pergantungan yang

sebenarnya kepada Allah taala dalam meraih manfaat dan menolak kemudaratannya dengan melakukan perkara-perkara yang diperintahkan olehNya.<sup>2</sup>

Nabi s.a.w. merupakan contoh tauladan yang terbaik dalam bertawakal. Ketika beliau s.a.w. berhijrah dari Mekah ke Madinah, beliau s.a.w. mengambil seorang penunjuk jalan untuk membimbingnya dan beliau



<sup>1</sup>Ibn Al-Qayyim, *Zad Al-Ma'ad Fi Hady Khayr Al-'Ibad*, Beirut: Muassasah Al-Risalah, 1998, jilid 4, ms. 160.

<sup>2</sup>Muhammad Salih, *Al-Tawakkal*, Jeddah: Majmu'ah Zad, 2009, ms. 10.



mengambil jalan yang kebiasaannya tidak diambil oleh orang lain.<sup>3</sup>

Ini menegaskan lagi bahawa tawakal yang hakiki adalah gabungan antara usaha dan menyerahkan urusan kepada Allah taala.

Justeru rawatan dengan menggunakan *ruqyah syar'iyah* tidak bertentangan dengan tawakal kerana ia termasuk dalam kategori usaha yang merupakan salah satu komponen yang penting dalam pengertian tawakal.

*Keempat, ruqyah syar'iyah tidak menafikan usaha untuk mencari rawatan dari golongan doktor perubatan.*

Satu perkara yang harus ditekankan adalah rawatan menggunakan ayat-ayat Al-Quran, zikir, serta doa-doa yang bertepatan dengan syariat tidak bercanggah dengan usaha mencari rawatan dengan menggunakan perubatan moden. Tiada halangan untuk memanfaatkan kedua-keduanya sekali.

Bukankah Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sentiasalah melakukan apa yang memberikan manfaat kepadamu dan pohonlah pertolongan kepada Allah dan janganlah kamu merasa lemah." (Riwayat Muslim)

Merawat diri sendiri, baik dengan menggunakan *ruqyah syar'iyah* mahupun perubatan moden, termasuk di dalam kategori melakukan perkara yang memberikan manfaat sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis di atas.

Bahkan, menurut *Majma' Al-Fiqh Al-Islami Al-Duwali*, hukum berubat boleh sampai kepada tahap wajib dan sunat dalam sebahagian keadaan.

Hukum berubat boleh menjadi wajib jika dengan meninggalkannya akan mengancam keselamatan nyawa atau dapat melumpuhkan salah satu anggota badan atau penyakit yang dideritai itu boleh menular kepada orang lain.<sup>4</sup>

Hukum berubat boleh sampai ke tahap sunat jika dengan meninggalkannya boleh melemahkan badan dan tidak menimbulkan kesan seperti yang disebutkan di atas.<sup>5</sup>


*Kelima, ruqyah syar'iyah tidak semestinya dilakukan oleh pihak lain.*

Kaedah rawatan menggunakan *ruqyah syar'iyah* tidak semestinya dilakukan oleh pihak yang lain. Ianya boleh dilakukan oleh pesakit itu sendiri. Bahkan Rasulullah s.a.w. *meruqyah* dirinya sendiri.

Um Al-Mukminin 'Aisyah r.a. meriwayatkan, "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. apabila merasa sakit, Baginda akan membaca ke atas dirinya sendiri *Al-Mu'awwizat* (surah Al-

Ikhlâs, Al-Falaq, dan Al-Nas) dan Baginda meniupnya. Ketika mana sakitnya sudah tenat, saya yang membacakan untuknya dan saya menyapu dengan tangannya kerana mengharapkan keberkatannya." (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Rasulullah s.a.w. juga mengajarkan para sahabat untuk *meruqyah* diri mereka sendiri.



<sup>3</sup>Mahdi Rizq Allah Ahmad, *Al-Sirah Al-Nabawiyyah Fi Dhaw' Al-Masadir Al-Asliyyah*, Riyadh: Dar Imam Al-Da'wah Li Al-Nashr Wa Al-Tawzi', 1424, jld. 1, ms. 316.

<sup>4</sup>Majma' Al-Fiqh Al-Islami Al-Duwali, *Qarar Bi Al-Sha'n Al-'ilaj Al-Tibbi*, <http://www.iifa-aifi.org/1858.html> (disaksikan pada 10 Mac 2018).

<sup>5</sup>Ibid.

Diriwayatkan dari Uthman bin Abi Al-'As Al-Thaqafi r.a. bahawa dia mengadu kepada Rasulullah s.a.w. kesakitan yang beliau rasakan pada badannya sejak beliau memeluk agama Islam.

Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: Letakkanlah tangan kamu kepada anggota yang sakit pada jasadmu kemudian bacalah sebanyak tiga kali:

بِسْمِ اللَّهِ

(Ertinya: Dengan nama Allah.)

Dan bacalah sebanyak tujuh kali:

أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا  
أَجِدُ وَأُحَاطِرُ

(Ertinya: Saya berlindung kepada Allah dan kudratNya daripada keburukan yang saya rasakan dan saya takuti.)  
(Riwayat Muslim)

Keenam, tidak semua yang mendakwa menggunakan ruqyah sebagai cara rawatan termasuk dalam kategori ruqyah syar'iyah.

'Awf bin Malik Al-Ashja'i r.a. berkata: Kami melakukan ruqyah pada zaman jahiliah. Kami bertanya: Wahai Rasulullah! Apakah pandangan kamu mengenai perkara tersebut? Rasulullah s.a.w. menjawab: Bentangkanlah kepadaku ruqyah yang kamu lakukan. Tidak mengapa melakukan ruqyah selagi mana tidak mengandungi kesyirikan. (Riwayat Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa bukan semua jenis ruqyah diterima di dalam Islam. Para ulama membahagikan ruqyah kepada dua kategori.

- (i) Ruqyah yang mengandungi unsur-unsur kesyirikan dinamakan sebagai ruqyah syirkiyyah. Ruqyah sedemikian ditolak oleh Nabi s.a.w.

- (ii) Ruqyah yang bertepatan dengan ajaran syariat dinamakan sebagai ruqyah syar'iyah.

Menurut para ulama, ruqyah yang bertepatan dengan syariat mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Menggunakan Al-Quran atau zikir kepada Allah atau doa-doa yang disyariatkan.
2. Menggunakan bahasa Arab atau apa yang difahami maknanya.
3. Beriktikad bahawa ruqyah tidak memberikan

pengaruh melainkan dengan keizinan daripada Allah.<sup>6</sup>

### Penutup dan saranan

Apa yang dibentangkan di atas merupakan sedikit penjelasan mengenai beberapa isu yang berkaitan dengan ruqyah. Sebelum menutup tirai perbahasan, penulis ingin menyarankan tiga perkara.

Pertama, pengajian ruqyah syar'iyah harus diluaskan.

Pengajian ruqyah syar'iyah secara holistik harus diluaskan kepada masyarakat Islam di Singapura. Ini adalah penting demi mengelakkan masyarakat daripada diperdayakan oleh golongan yang mendakwa menggunakan kaedah rawatan ruqyah tetapi hakikatnya pengubatan yang mereka gunakan adalah ruqyah syirkiyyah.

Kedua, kemahiran pakar perubatan, ahli psikologi dan para pengamal ruqyah harus dimanfaatkan.

Salah satu penyakit yang boleh dimanfaatkan ruqyah syar'iyah sebagai kaedah rawatan adalah penyakit yang melibatkan gangguan makhluk halus atau sihir.



<sup>6</sup>Ibn Hajar Al-'Asqalani, *Fath Al-Bari'*, Cairo: Dar Al-Hadiith, 2004, jld 10, ms. 220;; Al-Nawawi, *Sharh Sahih*

*Muslim*, Dar Al-Bayan Al-'Arabi, 2006, jld 7, ms. 342-343.

Pada pemerhatian penulis, kefahaman masyarakat mengenai penyakit boleh dibahagikan kepada beberapa kategori.

Segolongan berlebihan dalam menisbahkan penyakit kepada sihir atau gangguan makhluk halus. Golongan ini begitu cepat menghukum seseorang itu terkena sihir atau gangguan makhluk halus walaupun mereka tidak merujuk kepada golongan yang berkemahiran dalam bidang ini.

Berbeza dengan golongan pertama, golongan kedua pula menafikan secara total hubungan mana-mana penyakit dengan sihir atau gangguan makhluk halus.

Justeru, apakah pendekatan yang *wasat* dalam isu ini?

Pada pandangan penulis, pendekatan *wasat* dalam isu ini adalah berpegang teguh dengan firman Allah taala, "Bertanyalah kepada *Ahl Al-Dhikr* (Ahli Ilmu) sekiranya kamu tidak mengetahui." (Al-Nahl: 43)

Para ahli ilmu saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Kemahiran golongan pakar perubatan, ahli psikologi, serta pengamal *ruqyah* yang berkemahiran dan berpengalaman perlu dimanfaatkan untuk membezakan antara penyakit biasa dan penyakit yang melibatkan sihir atau gangguan makhluk halus.

Seorang yang pakar dalam bidang perubatan atau psikologi belum tentu pakar mengendalikan kes-kes melibatkan sihir dan gangguan makhluk halus.

Begitu juga sebaliknya. Para pakar dalam pelbagai bidang ini tidak sepatutnya merendahkan antara satu sama lain. Mereka perlu bekerjasama dan meyumbang kepakaran mereka demi kemaslahatan masyarakat.

*Ketiga, ruqyah syirkiyyah harus dibendung.*

Di negara kita ini, asatizah yang ingin mengajar agama kepada masyarakat perlu mendapatkan pentauliahkan sebelum dibenarkan untuk mengajar manakala individu-individu yang mengamalkan *ruqyah syirkiyyah*

dibiarkan bebas dalam keadaan tidak dipantau oleh mana-mana badan.

Pengamalan *ruqyah syirkiyyah* akan hanya memudaratkan pengamalnya dan juga orang yang meminta bantuan daripada mereka.

Pengamalan *ruqyah syirkiyyah* harus dibendung demi mengelakkan kemudaratannya yang besar kepada masyarakat.

Semoga Allah memelihara akidah kita di atas landasan yang benar sebagaimana yang diredhaiNya, jauh dari unsur-unsur kesyirikan, jauh dari perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemurkaanNya.





## Apabila Seseorang Dakwa atau Alami Karamah dan Perkara Luar Biasa: Apa Sikap Yang Saksama?

oleh Ustaz Mustazah Bahari

### Pendahuluan

Alam yang dicipta Allah taala ini mengandungi pelbagai anasir yang tidak dapat dihitung. Setiap unsur yang diciptakan mempunyai tujuan yang tertentu. Ia bukan sekadar diciptakan sia-sia begitu sahaja untuk memenuhi ruang. Setiap kejadian yang ada di dalam alam ini, mempunyai fungsi yang tersendiri untuk berkhidmat bagi kehidupan semua yang ada di dalamnya. Ada perkara yang berlaku menurut kebiasaan dan mudah difahami oleh manusia, ada pula yang berlaku di luar kebiasaan dan sukar difahami oleh sebahagian manusia. Apa pun kejadian yang berlaku atau ciptaan yang terjadi, ia tetap kembali kepada keagungan dan kekuasaan Allah taala dalam pentadbiran-Nya yang maha sempurna.

Di antara perkara yang berlaku di luar kebiasaan adalah mukjizat bagi para Nabi dan karamah bagi sebahagian individu yang terpilih di sisi Allah taala.

Masih lagi kedengaran di luar sana berkata sesetengah orang yang menyebut tentang perkara yang luar biasa berlaku dari seseorang individu tidak mustahil benar kerana jika Allah taala berkehendak, maka ia boleh sahaja berlaku.

Memang benar, segala perkara di dalam alam maya ini hidup dan bergerak menurut kehendak Allah taala. Tetapi jangan lupa bahawa Allah taala juga telah menetapkan segala sesuatu dengan kadar dan sistemnya yang tersendiri. Jika tiada sistem, maka tidak perlulah manusia kepada usaha untuk menghasilkan sesuatu yang diinginkan dan diperlukan. Tunggu sahaja keadaan sekeliling berubah menurut

kehendak Allah taala semata-mata.

Justeru, artikel ini akan membahaskan syarat dan ciri-ciri yang perlu ada dalam menerima perkara yang berlaku di luar kebiasaan.

### Hukum alam menurut sistem dan sunnah alam yang teratur

Di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menunjukkan bahawa alam ini bergerak dengan kadarnya yang telah ditetapkan. Misalnya ayat di dalam surah Yasin, firman Allah taala, "Dan (sebahagian dari dalil yang tersebut ialah) matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui, Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya - (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing." (Yasin: 38-40)

Seterusnya pada ayat-ayat lain juga menunjukkan tentang sesuatu ciptaan Allah taala menjadi penyebab kepada kewujudan ciptaan yang lain;

- i. "Dia menciptakan langit tanpa tiang yang kamu melihatnya dan Dia meletakkan gunung-gunung (di permukaan) bumi supaya bumi itu tidak menggoyangkan kamu; dan memperkembang biakkan padanya segala macam jenis binatang.

Dan Kami turunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan padanya segala macam tumbuh-tumbuhan yang baik." (Luqman: 10)

- ii. "Atau siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi dan yang menurunkan air untukmu dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu kebun-



kebun yang berpemandangan indah, yang kamu sekali-kali tidak mampu menumbuhkan pohon-pohonnya? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Bahkan (sebenarnya) mereka adalah orang-orang yang menyimpang (dari kebenaran).” (Al-Naml: 60)

- iii. “Allah-lah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menurunkan air hujan dari langit, kemudian Dia mengeluarkan dengan air hujan itu berbagai buah-buahan menjadi rezeki untukmu; dan Dia telah menundukkan bahtera bagimu supaya bahtera itu, berlayar di lautan dengan kehendak-Nya, dan Dia telah menundukkan (pula) bagimu sungai-sungai.” (Ibrahim: 32)
- iv. “Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah 13. Kemudian Kami jadikan saripati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kokoh (rahim) 14. Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka Maha sucilah Allah, Pencipta Yang Paling Baik 15. Kemudian, sesudah itu, sesungguhnya kamu sekalian benar-benar akan mati.” (Al-Mukminun: 12-15)

Terdapat juga kisah yang masyhur mengenai seorang arab badwi apabila dia ditanya mengenai kewujudan Tuhan, dia berkata, “Najis unta membuktikan adanya unta (di padang pasir), kesan tapak kaki membuktikan adanya orang yang berjalan, bintang-bintang di langit dan gunung ganang di bumi, bukankah itu semua membuktikan adanya Tuhan.”

Manusia juga mendapat ilmu dan kefahaman menerusi pembelajaran.

**“Ilham dan kasyf berlaku sebagai kurnia kepada hamba-hamba yang soleh tetapi ia tidak boleh menjadi dalil hukum syara’. Ia hanya boleh dijadikan panduan jika tidak bertentangan dengan syara’.**

**Piagam Kesederhanaan Pergas**

Tiada manusia yang lahir terus dapat membaca dan menulis. Jika ada sekalipun, ia hanyalah kes terpencil yang tidak boleh dijadikan hujjah. Menurut kaedah fiqh, *al-nadir la hukma lah*, maksudnya: perkara yang bukan kebiasaan tiada hukum tetap baginya.

Hakikatnya, alam ini berlangsung dengan sebab musababnya yang saling terkait. Ia tidak terjadi tanpa sebab dan tidak berlaku tanpa punca.

### Kedudukan dan hukum perkara yang luar biasa

Bicara mengenai hal-hal luar biasa yang berlaku ke atas atau dari manusia, sememangnya tidak boleh dinafikan. Misalnya kisah Maryam yang dikurniakan rezeki tanpa diduga dan kisah Nabi Isa setelah dilahirkan oleh Maryam, yang telah berbicara kepada kaumnya yang memfitnah ibunya sewaktu dia masih dalam buaian. Begitu juga kisah *Ashab Al-Kahf* yang tidur selama 309 tahun. Namun, adakah ia menjadi keutamaan di dalam urusan hidup manusia, terutama dalam urusan agama? Jawabnya tidak.

Dalam urusan agama, perkara luar biasa harus juga berlaku. Ia diistilahkan sebagai *khawariq al-`adat*. Habib Ali Al-Jufri<sup>1</sup> berkata, “Perkara luar biasa atau *khawariq al-`adat* itu ada lima jenis;

1. Perkara luar biasa yang berlaku kepada para Nabi yang dinamakan sebagai mukjizat.
2. Perkara luar biasa yang berlaku kepada para wali yang dinamakan sebagai karamat.
3. Perkara luar biasa yang berlaku ke atas pendakwa kebenaran seperti Musailamah Al-Kazzab. Ia dianggap sebagai penghinaan baginya.
4. Perkara luar biasa yang berlaku ke atas orang yang melakukan maksiat dan

<sup>1</sup>Habib Ali Al-Jufri (2014), *Al-Karamat Wa al-Khawariq.. Hukmuha Wa Anwa`uha `Inda Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama`ah*, 22 Oktober. Lihat:

<https://www.youtube.com/watch?v=Pu0fpS727Iq> (21 Mac 2018).

dosa, ia dinamakan sebagai *istidraj*.

#### 5. Perkara luar biasa yang berlaku daripada ahli sihir.

Jika dilihat kepada mukjizat para Nabi, ia juga bukanlah perkara utama yang mesti atau perlu ada pada mereka ketika menyampaikan dakwah. Nabi Musa tidak menggunakan tongkatnya setiap kali mengajak Bani Israil kepada Allah taala. Nabi Sulaiman tidak menggunakan kehebatannya berbicara dengan haiwan untuk berdakwah. Nabi Muhammad s.a.w tidak meminta kepada Allah untuk menunjukkan mukjizat kepada kaum musyrikin setiap kali Baginda berdakwah dan seterusnya contoh-contoh lain yang menunjukkan bahawa perkara mukjizat bukanlah bahan utama dalam keperluan berdakwah.

Nah, apa lagi tentang karamah. Adakah ia satu elemen yang menunjukkan adanya kelebihan seseorang dalam dakwah berbanding yang tiada karamah? Habib Ali Al-Jufri juga mengingatkan bahawa urusan karamah ini tidak boleh dijadikan sebagai penentu kepada kebaikan seseorang dan menafikan kebaikan orang lain yang tidak nampak adanya karamah pada dirinya.<sup>2</sup>

#### Syarat dan ciri-ciri karamah

Menurut Imam Ibrahim Al-Laqqani, karamah adalah suatu perkara luar biasa yang berlaku tanpa dakwaan kenabian, dan ia bukan sebagai permulaan kenabian, muncul dari seorang yang zahirnya nampak soleh dan beriltizam mengikuti Nabi yang diwajibkan untuk diikuti syariatnya berserta dengan iktikad yang benar dan amalan yang soleh.<sup>3</sup>

Dari definisi yang diberi mengenai karamah, jelas ia menunjukkan bahawa karamah yang sebenar terkeluar dari seorang individu yang soleh, menurut sunnah

Nabi s.a.w dan terus iltizam dalam akidah yang benar dan amalan yang soleh.


Imam Al-Junaid, seorang tokoh kesufian juga pernah berkata, "Jika kamu nampak seorang yang terbang ke langit dan berjalan di atas air, maka janganlah kamu terus terpedaya dengannya sehingga kamu menimbangnya dengan timbangan *amr ma'ruf nahi munkar*. Jika kamu nampak dia melaksanakan perintah Allah dan menjauhi apa yang dilarangnya, maka benarlah dia seorang wali yang jujur, tetapi jika tidak, maka dia hanyalah seorang yang mendakwa sahaja (sebagai wali) dan dia juga adalah seorang *zindiq*!"<sup>4</sup>

Apabila membicarakan tentang karamah, ia terbahagi kepada dua;

1. Tentang karamah itu sendiri
2. Tentang orang yang timbul darinya karamah.

Jika diteliti daripada definisi karamah dan pandangan ulama mengenainya, karamah itu sendiri mempunyai beberapa ciri yang perlu ada untuk diterima dan tidak dipertikaikan. Antaranya adalah;

- Karamah tidak berlaku jika ia bertentangan dengan nas-nas syarak yang *qat'iyy* seperti dakwaan sebilangan manusia yang mendakwa dia menerima wahyu dari Tuhan sedangkan wahyu telah terhenti secara pasti menerusi dalil Al-Quran.
- Karamah tidak berlaku pada perbuatan yang ditegah syarak atau berunsurkan maksiat seperti menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal, atau melakukan sesuatu perbuatan yang berunsurkan syirik seperti memuja jin sehingga timbul keajaiban darinya.
- Begitu juga ia tidak berlaku pada perkara remeh yang tiada kaitan dengan keperluan



<sup>2</sup>Ibid

<sup>3</sup>Ibrahim Al-Laqqani (2009), *Syarh Al-Nazim 'Ala Al-Jauharat*, Cairo: Dar Al-Basair, jld. 2, ms. 912. Lihat di <https://archive.org/details/SHAR7-AL-NADHEM2> (21 Mac 2018).

<sup>4</sup>Ali Al-Jufri (2008), *Al-Dars Al-Thalathun: Khitam Al-Majalis*, 9 Oktober. Lihat: <http://www.almoreed.com/archives/episodes/episode30> (21 Mac 2018).



hidup atau urusan akhirat seperti permainan silap mata.

Manakala bagi empunya diri yang zahir daripadanya karamah, dia perlu memiliki ciri-ciri seperti berikut;

- Seorang mukmin yang mentaati perintah Allah taala dan Rasul-Nya dengan benar dan iltizam.
- Tidak menganggap setiap perkara luar biasa yang berlaku bermaksud karamah, mungkin sahaja ia berbentuk istidraj.
- Jangan menganggap dirinya sebagai wali yang perlu disanjung tinggi.
- Jangan jadikan karamah sebagai matlamat hidupnya.

### Kesimpulan

Ahli Sunnah Wal Jamaah sepakat mengatakan bahawa karamah adalah benar dan harus berlaku. Cuma ia perlu difahami dan dikendalikan dengan betul. Seperti yang dijelaskan tadi, karamah bukanlah satu ukuran untuk mengenal pasti siapa yang lebih baik dari yang lain. Urusan hidup dan urusan agama juga tidak berpaksikan karamah. Ia hanyalah satu kelebihan yang Allah taala beri kepada sesiapa yang dikehendakinya dengan syarat yang disebutkan sebelum ini.


Berusaha dengan mengambil *asbab* bagi keperluan hidup adalah kunci dan punca kepada kejayaan buat semua, bukan menantikan timbulnya karamah untuk menentukan sesuatu keperluan.

Dr. Mahmud Abu Huda Al-Husaini, salah seorang tenaga pengajar di Ma'had Al-Fath di Damsyiq menukilkan kata-kata seorang soleh yang dianggap wali Allah yang dikenalnya di Halab bernama Syeikh Na'saan Al-Farwati mengenai perkara luar biasa. Katanya, "Manusia yang terlalu banyak berbicara mengenai perkara luar biasa atau berlaku padanya perkara yang luar biasa adalah manusia yang lebih jauh daripada

Allah." Seterusnya beliau mengatakan bahawa semakin banyak perkara luar biasa yang berlaku pada diri seseorang semakin banyaklah fitnah yang akan berlaku ke atasnya.<sup>5</sup>

Di dalam Piagam Kesederhanaan terbitan Pergas, juga dinyatakan bahawa perkara luar biasa seperti *ilham* dan *kassaf* adalah anugerah Allah tetapi ia tidak boleh dijadikan sebagai hujjah agama. Ia sekadar nilai tambah kepada seorang individu yang baik.<sup>6</sup>

Imam Ibn Rajab meriwayatkan sebuah kisah dari Al-Khallal yang menceritakan tentang persoalan yang diajukan kepada Fudhail bin 'Iyadh mengenai seorang lelaki yang duduk di rumahnya dan mendakwa dia yakin kepada Allah, lalu Allah memberikannya rezeki, apakah hukumnya? Beliau menjawab, "Jika dia yakin dengan Allah sehingga Allah taala tahu dia telah yakin dengan-Nya, **maka tiada sesuatu pun yang dapat menghalang apa yang dikehendaki-Nya.** Tetapi perkara ini tidak dilakukan oleh para Nabi atau lainnya. Para Nabi sendiri pernah bekerja dan mengambil upah. Nabi s.a.w, Abu Bakar dan Umar juga pernah bekerja dan mengambil upah. Mereka tidak pernah pun berkata: "Kami ingin menganggur sehingga Allah memberi rezeki kepada kami."<sup>7</sup>



Justeru wajar difahami bahawa syarat utama untuk berjaya dalam lapangan hidup di dunia dan juga di akhirat kelak adalah dengan usaha dan menuruti sistem alam yang telah ditetapkan.

Jika kekata 'kalau Allah taala berkehendak tidak mustahil berlaku' menjadi keutamaan dalam membentuk kehidupan, maka tidak perlulah para Nabi diutuskan, tidak perlu guru untuk mengajar dan tidak perlu pakar-pakar atau ilmunan untuk berinovasi mengeluarkan produk demi kebaikan manusia sejagat, hanya nantikan sahaja apa yang akan berlaku berpaksikan kehendak Allah taala semata-mata.

<sup>5</sup>Mahmud Abu Al-Huda Al-Husaini (2009), *Al-Mukjizat Wa Al-Karamat*, 30 Oktober. Lihat: <http://abolhoda.me/www/hosainy2.php?id=884> (20 March 2018)

<sup>6</sup>Pergas (2004), *Moderation in Islam in the context of Muslim Community in Singapore*, Singapore: Pergas, ms. 319.

<sup>7</sup>Ibn Rajab (2014), *Jami' Al-'Ulum Wa Al-Hikam* (terjemahan bahasa Melayu bertajuk *Himpunan Ilmu dan Hikmah*), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, jld 4, ms. 1850.

## Kepelbagaian Di Dalam Menyampaikan Ilmu: Sebuah Renungan Ringkas Tentang Lanskap Majlis Ilmu Di Singapura

oleh Mohammad Hafiz Kusairi

Di dalam era globalisasi yang menyaksikan kepesatan maklumat yang diperolehi seseorang, profil rakyat Singapura melalui kepelbagaian yang semakin ketara dan pesat.

Kepelbagaian ini meliputi aspek fizikal seperti gaya kehidupan, ketrampilan dan juga aspek yang bersifat dalaman (*intrinsic*) seperti cara pemikiran (*mindset*) dan tanggapan terhadap pandangan-alam (*world-view*). Kepelbagaian ini turut mempengaruhi profil para penuntut ilmu yang menghadiri kelas-kelas agama di merata negara ini.

Oleh itu, tidak dapat tidak, lanskap dakwah di Singapura turut menjalani perubahan-perubahan bagi menampung kepelbagaian ini.

